

**PENCAPAIAN PENGUASAAN BAHASA
MURID TAHUN 6 SEKOLAH RENDAH
DALAM KEMAHIRAN MEMBACA
DAN KEMAHIRAN MENULIS.**

MICHAEL PAKANG

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2006**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS @

JUDUL : Pencapaian Penguasaan Bahasa Murid Tahun 6 Sekolah Rendah dalam Kemahiran Membaca dan Kemahiran Menulis.

IZAJAH : Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan)

SESI PENGAJIAN : 2003 -2005

Saya, MICHAEL PAKANG mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah di benarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. TIDAK TERHAD.

Disahkan oleh

(Penulis : MICHAEL PAKANG

Alamat Tetap :
d/a Petrus Galitang
W.D.T 11
Hotel Perkasa Kundasang
89300 Ranau.

Tarikh : 10.07.2006

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

NURULAIN BINTI ISMAIL

LIBRARIAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Nurulain
(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Madya
(PROF. MADYA DR. SALLEH ABD. RASHID)

Tarikh : *21/7/06*

Catatan : @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara Penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN.

Saya mengaku bahawa Disertasi ini adalah hasil kerja saya kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan yang setiap satu daripadanya telah saya jelaskan sumbernya.

MICHAEL PAKANG

PS03-006(K)-034

JULAI 2006

**ENVOUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

PENGHARGAAN

Saya sangat bersyukur kepada Tuhan atas berkat dan cintakasihnya, disertasi ini akhirnya dapat disempurnakan dengan jayanya. Pertama sekali saya ingin memberi penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Prof. Madya Dr. Salleh Abdul Rashid di atas bimbingan, nasihat teguran serta motivasi yang amat berguna kepada saya.

Saya juga tidak lupa untuk menyampaikan ucapan penghargaan ini kepada Prof. Madya Dr. Zulkifli Mohamed kerana telah merintis jalan awal kepada proses penulisan disertasi. Begitu juga kepada Dr. Sabariah Sharif selaku Penyelaras Program Sarjana juga turut memberi sokongan dan tunjuk ajar.

Selain daripada itu, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pensyarah SPPS yang turut terlibat secara formal untuk memberi kuliah. Selain itu, terima kasih juga kepada Guru Besar SK. Kiandongo, SK. Imbak, dan SK. Linayukan kerana memberi kerjasama padu kepada saya.

Penghargaan yang tidak terhingga ini juga ditujukan kepada saudara John Gitom, Jalis Sina, Suhaipin Lasim, Humin Dusilin, Joanna Immit, Philip Galambun dan Raisin Saidin yang telah banyak memberi sokongan dari segi buah fikiran dan dorongan kepada saya untuk menyiapkan penulisan ini. Buat ibu saya Mary Mendip Singgiok, terima kasih atas doa dan nasihat mu selama ini.

Akhir sekali, penghargaan ini ditujukan buat isteri tersayang Pn. Pelagia Bt. Matigal, kerana memberi sokongan, pengorbanan, doa dan kasih sayang yang berterusan walaupun terpaksa menghadapi pelbagai masalah. Begitu juga kepada anak-anak saya Elvin Michael, Elvans Michael, Elisa Michael dan Elvie Niel Michael yang sangat memahami tugas dan berkorban demi kejayaan saya.

Terima kasih

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tentang Pencapaian Murid Tahun 6 Sekolah Rendah dalam Kemahiran Membaca dan Kemahiran Menulis. Kajian ini dijalankan di sekolah-sekolah rendah luar bandar dalam daerah Telupid, Sabah. Dalam kajian ini telah memilih enam buah sekolah rendah luar bandar untuk mewakili jumlah populasi. Dalam proses persampelan sistematik, tiga buah sekolah telah dipilih untuk mewakili sampel. Seramai 52 orang murid Tahun 6 telah terlibat dalam kajian ini. Daripada jumlah tersebut, terdapat 24 orang murid lelaki dan 28 orang murid perempuan. Semua data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan ujian-t dan statistik deskriptif. Ujian-ujian ini digunakan untuk menjawab 5 objektif kajian. Dari segi dapatan kajian, terdapat perbezaan pencapaian murid dari segi penguasaan bahasa dalam kemahiran membaca dan menulis. Pencapaian penguasaan bahasa murid perempuan lebih tinggi dibandingkan dengan murid lelaki. Dalam kajian ini, jelas menggambarkan bahawa pencapaian penguasaan bahasa murid Tahun 6 sekolah rendah dalam kemahiran membaca dan menulis masih di tahap rendah. Untuk kajian masa depan, dicadangkan agar skop kajian dapat diperluaskan, dari segi bilangan sekolah terlibat, dan menambah bilangan responden kajian di sekolah-sekolah luar bandar.

ABSTRACT

This research tries to find out on Primary School students achievement in writing and reading skills. This research conducted in a rural area schools in Telupid District, Sabah. This research were involved six primary schools to represent the main population. The sampling then reduced to three primary schools during the systematic sampling process. It involving 52 students in the Year Six from three different school in the same district. There about 24 boys' and 28 girls' students. The data obtain was then analyze by using t-test, and statistic descriptive. The outcomes then used to answer the fives main objectives. This research to shows a different level of achievement between boy and girl students. This research obviously shows the level of writing and reading skills for Year Six in Telupid District in generally is low. For future references, scope analysis can be improve by involving more school to this test as well as more respondent should be includes in this research as a responses in the rural area.

ISIKANDUNGAN

BAB PERKARA	MUKASURAT
TAJUK	i
PENGESAHAN	ii
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRAK	vi
ISIKANDUNGAN	vii - ix
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI LAMPIRAN.	xii

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan	1
1.2. Latar belakang kajian	6
1.3. Pernyataan Masalah kajian	12
1.4. Soalan kajian	13
1.5. Objektif kajian	14
1.6. Hipotesis kajian	15
1.7. Tafsiran Operasional	15
1.8. Batasan kajian	16
1.9. Kepentingan Kajian	17
1.10. Kesimpulan	18

BAB 2: SOROTAN KAJIAN LITERATUR

2.1.	Pengenalan	20
2.2.	Konsep Kemahiran Membaca	21
2.3.	Konsep Kemahiran Menulis	22
2.4.	Teori-teori dalam kemahiran berbahasa	23
2.4.1.	Teori Pemindahan Maklumat	23
2.4.2.	Teori Pembacaan secara automatik	24
2.4.3.	Teori Linguistik	24
2.4.4.	Teori Pemahaman Wacana	25
2.5.	Model Pengajaran dan Pembelajaran	25
2.5.1.	Model Mendengar-Membaca-Berbincang	25
2.5.2.	Model Metakognitif	26
2.6.	Kajian bersabit kemahiran Membaca dan Menulis dalam Negara.	26
2.7.	Kajian bersabit kemahiran Membaca dan Menulis dalam Negara.	34
2.8.	Kerangka Konseptual	35

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1.	Pengenalan	38
3.2.	Reka bentuk kajian	38
3.3.	Lokasi dan Populasi Kajian	39
3.4.	Sampel Kajian	42
3.5.	Instrumen Kajian	42
3.6.	Cara-cara pengumpulan data	45
3.7.	Penganalisisan data	46
3.8.	Prosedur Kajian	47
3.9.	Definisi Operasional	47
3.9.1:	Pencapaian Penguasaan Bahasa	47



BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.1. Pengenalan	49
4.2. Profil Responden	49
4.3. Statistik Perihalalan Pembelahan	50
4.4. Pengujian Hipotesis	52
4.5. Rumusan	54

BAB 5: PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1. Pengenalan	56
5.2. Ulasan sepantas lalu	56
5.3. Perbincangan dan Implikasi	57
5.3.1. Perbezaan penguasaan Bahasa dalam Kemahiran Membaca antara jantina.	57
5.3.2. Perbezaan penguasaan Bahasa dalam Kemahiran Menulis antara jantina.	60
5.3.3. Implikasi pencapaian yang berbeza antara jantina	61
5.4. Implikasi Kajian	62
5.5. Cadangan untuk Penyelidikan Masa depan	63
5.6. Kesimpulan	64
 BIBLIOGRAFI	67
 LAMPIRAN	69

SENARAI JADUAL

No. jadual	Perkara	Muka surat
Jadual 1.1.	Analisa Keputusan UPSR 2003 – 2005 mengikut subjek.	7
Jadual 3.1.	Taburan Responden mengikut sekolah	40
Jadual 4.1.	Pecahan Responden mengikut Jantina	50
Jadual 4.2.	Pencapaian Penguasaan Bahasa Responden dalam membaca	50
Jadual 4.3.	Pencapaian Penguasaan Bahasa Responden dalam menulis	51
Jadual 4.4.	Perbezaan penguasaan bahasa dalam Kemahiran Membaca dan Kemahiran Menulis.	53



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Perkara	Muka surat
Rajah 2.1.	Hubungan antara Penguasaan Bahasa dengan Kemahiran Membaca dan Kemahiran Menulis.	36
Rajah 3.2.	Proses Persampelan sistematik	41
Rajah 3.3.	Proses Pengujian Sampel	45
Rajah 3.4.	Definisi Operasional Pencapaian Penguasaan Bahasa (membaca dan menulis) secara keseluruhan.	48
Rajah 3.5.	Definisi Operasional Pencapaian Penguasaan Kemahiran (membaca dan menulis) secara keseluruhan.	49



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Perkara	Muka surat
LAMPIRAN A:		70
LAMPIRAN B:		72
LAMPIRAN C:		73

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan.

Pendidikan merupakan satu bidang yang dinamik dan sering mengalami perubahan dari masa ke masa dalam mengubah tingkah laku manusia. Perubahan ini kian terasa menjelang tahun 1980-an apabila pelbagai tuntutan perlu dilakukan terutama sekali dari segi pelaksanaan kurikulum sekolah. Begitu juga dengan sistem pendidikan di Malaysia yang banyak mengalami perubahan untuk tujuan memenuhi hasrat dan cita-cita Negara.

Perubahan-perubahan ini berlaku apabila usaha kerajaan dalam memenuhi deklarasi dunia yang menuntut pendidikan untuk semua (education for all). Dalam masa yang sama berlaku juga reformasi dalam pendidikan bagi memperkemaskan pelaksanaan dasar dan strategi yang sedia ada. Tuntutan reformasi dalam pendidikan ini juga sukar dihalang kerana ia didorong oleh keinginan-keinginan yang bersesuaian dengan keperluan pendidikan selari dengan perubahan-perubahan global. Perubahan seperti ini penting bagi mempastikan kanak-kanak akan mendapat pendidikan yang sama walaupun mereka berada di luar bandar ataupun di pedalaman. Perubahan ini disokong pula oleh dasar pendemokrasian pendidikan Negara (KPM), dimana kerajaan telah menyediakan banyak kemudahan sekolah yang mencukupi bagi semua kawasan termasuk luar bandar atau pedalaman. Pendidikan Wajib telah diperkenalkan dan bertujuan untuk mengurangkan kadar keciciran murid terutamanya di luar bandar.

Sejarah pendidikan di Malaysia sebelum merdeka sehingga kini telah memperlihatkan perubahan-perubahan yang sangat ketara. Sistem pendidikan pada mulanya daripada sekolah pondok telah berubah sehingga wujudnya institusi-institusi pengajian tinggi dan berkualiti bagi mencanangkan pendidikan di negara ini (Mohd. Salleh Lebar, 1992). Mohd. Salleh Lebar, (1992) telah menyatakan bahawa banyak perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan di Malaysia kini seperti pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR), Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), penggunaan bahasa baku, dan penubuhan institusi pengajian tinggi seperti Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA).

Peredaran dan perubahan dalam sistem pendidikan ini telah membawa kepada perubahan kepada masyarakat dan polisi pendidikan khususnya kurikulum sekolah. Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah diperkenalkan ke seluruh Negara secara berperingkat-peringkat mulai 1982 lagi. Kurikulum ini merangkumi seluruh sistem pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan sekolah rendah. Sebagai salah satu program pengajaran dan pembelajaran, KBSR amat memerlukan guru-guru yang bertanggungjawab melaksanakannya dengan cara yang berkesan. Perubahan kurikulum kepada kurikulum versi baru ini akan menimbulkan banyak kesan kepada perkara-perkara lain dalam sistem pendidikan sekolah, termasuklah pengajaran guru dan pembelajaran murid, penguasaan dan penilaian.

Abdullah Sani (1990) telah menegaskan bahawa kurikulum itu merupakan rancangan pendidikan yang akan dikendalikan oleh sesebuah sekolah dalam usaha mencapai matlamat pendidikan sesuai dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan

(FPN). Penegasan FPN yang dikuatkuasakan sejak awal tahun 1989 telah menerangkan bahawa pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh.

Dalam laporan Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Menteri Pelajaran Malaysia Dr. Mahathir Mohamad, telah mengkaji semula matlamat pendidikan masa lampau dan kesannya terhadap sistem pelajaran sekarang termasuklah kurikulumnya. Salah satu dapatan daripada kajian tersebut ialah pelaksanaan Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR) telah mengalami beberapa kelemahan dan kemerosotan dalam melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin dan terlatih. Dalam mengkaji matlamat sebenar(Mohd. Salleh Lebar, (1992), ia mementingkan kepentingan individu dan masyarakat ke arah menjalani kehidupan selesa dan dapat menyumbangkan bakti kepada bangsa dan Negara. Selain itu, dapat juga melahirkan generasi berbakat, berilmu pengetahuan dan berfikiran kreatif sangat diperlukan.

Di peringkat sekolah rendah, pengajaran dan pembelajaran merupakan aspek penting. Oleh itu, isu yang timbul di sekolah-sekolah pedalaman suatu ketika dahulu, tidak lagi wujud sejak tahun 2000 seperti kekurangan guru, kekurangan bilik darjah dan kekurangan kemudahan pembelajaran. Kejayaan dan kegagalan murid-murid dalam menerima pendidikan asas yang kukuh telah menjadi ukuran Kementerian Pelajaran Malaysia dalam membentuk satu dasar baru. Sufean Hussin (1993) telah merujuk Laporan Kabinet menyatakan bahawa Kurikulum lama (KLSR) yang digubal pada penghujung tahun 1950-an pada dasarnya kurang mementingkan penguasaan kemahiran asas dan kematangan kanak-kanak pada peringkat awal persekolahan.

Pengajaran dan pembelajarannya berorientasikan pencapaian peperiksaan, dan sukatan pelajaran yang sungguh membebankan.

Dalam perakuan Laporan Jawatankuasa Kabinet dalam usaha mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran telah mengambil syor untuk perlaksanaannya. Antara syor-syor yang berkait rapat dengan kurikulum sekolah rendah seperti pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah yang dimulakan pada tahun 1982, telah memberi keutamaan kepada Pengajaran Pemulihan dalam KBSR, dan peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) yang akan bermula pada 1988 kepada pelajar-pelajar Tahun 6.

Perakuan tersebut telah memberi ruang kepada Kementerian Pelajaran Malaysia(KPM) melaksanakan reformasi pendidikan khususnya di bidang kurikulum. Dengan ini, KPM telah membentuk Sukatan Pelajaran yang baru bagi semua matapelajaran yang diajar. Pelaksanaan KBSR telahpun dimulakan 1983, Pusat perkembangan Kurikulum (1994) telah menyatakan bahawa KBSR ingin meningkatkan mutu pendidikan dengan mengekalkan konsep 3M.

Mohd. Salleh Lebar (1992), juga menyatakan bahawa pelaksanaan KBSR sejak 1983 akan memberi penekanan kepada pemerolehan ilmu pengetahuan dan penguasaan kemahiran asas 3M iaitu Kemahiran Membaca, Kemahiran Menulis dan Kemahiran Mengira. Ketiga-tiga kemahiran ini penting dikuasai murid-murid sejak Tahap Satu (Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun 3). Tanpa penguasaan yang mantap di kalangan

murid-murid terhadap kemahiran-kemahiran ini akan menyukarkan mereka meneruskan persekolahan dan sekaligus tercicir daripada arus pendidikan.

Dalam penguasaan berbahasa, hanya tiga kemahiran yang akan menjadi tumpuan dan menjadi kemahiran utama iaitu kemahiran lisan, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Ke tiga-tiga kemahiran ini akan menjadi tunjang kepada penguasaan pendidikan awal kanak-kanak.

Dalam proses penguasaan bahasa di kalangan pelajar-pelajar di peringkat rendah ini, terdapat pelbagai masalah murid yang sukar menerima pembelajaran ataupun menguasai sesuatu kemahiran. Kegagalan atau kelemahan murid ini bukannya disebabkan oleh sebarang kecacatan fizikal atau mental. Tetapi, murid-murid jenis ini boleh dikatakan sebagai murid lambat, murid dalam tahap rendah dan kurang motivasi dalam proses pembelajaran. Masalah-masalah ini boleh membantutkan usaha untuk melahirkan generasi yang berbakat, berilmu dan berfikiran kreatif. Permasalahan seperti ini akan memberi ruang untuk melakukan kajian terhadap para murid yang tidak boleh bertutur, membaca dan menulis dengan baik walaupun sudah berada di Tahun 6.

Penguasaan berbahasa ini sepatutnya telah dikuasai oleh semua murid sebelum masuk ke tahap 2. Ini kerana semua kemahiran berbahasa seperti kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan menulis dalam bahasa Melayu amat penting bagi murid-murid dalam usaha memperbaiki dan meningkatkan penguasaan pencapaian murid dalam semua jenis penilaian.

1.2. Latar belakang masalah

Pelaksanaan KBSR sejak 1983 merupakan perubahan dasar kurikulum dalam pendidikan. Perubahan ini telah memberi banyak kesan positif terhadap perkembangan kurikulum sekolah rendah. Namun, tahap pelaksanaannya amat berbeza di antara satu-satu tempat khususnya di luar bandar.

Di luar bandar, pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu telah mengalami masalah dari segi penguasaan berbahasa dalam kemahiran-kemahiran membaca dan menulis. Dengan penguasaan bahasa yang lemah ini dalam bahasa Melayu, maka kemahiran-kemahiran bahasa khususnya kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis telah banyak memberi kesan negatif terhadap kejayaan pengajaran guru dan juga pembelajaran murid di sekolah. Ini menyebabkan pengajaran dan pembelajaran ini tidak dapat diteruskan akibat daripada kegagalan dan kelemahan penguasaan bahasa ini.

Dengan penguasaan kemahiran asas berbahasa yang lemah di kalangan pelajar luar bandar ini telah sedikit sebanyak menggagalkan objektif-objektif dalam KBSR. Antara objektif-objektif yang digariskan dalam KBSR untuk matapelajaran Bahasa Melayu adalah supaya murid dapat menguasai bahasa dengan baik, menyuburkan kebolehan dan kecekapan berkomunikasi, berupaya memahami, menulis, membaca dan bercakap dalam bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

Selaras dengan hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia untuk melahirkan masyarakat yang berilmu, produktif, berdaya saing dan celik huruf ini, usaha di

peringkat awal perlu digembelingkan terutamanya di sekolah-sekolah rendah. Di peringkat inilah menentukan tahap-tahap penguasaan seseorang murid.

Di daerah Telupid mempunyai sebanyak 31 buah sekolah rendah sahaja. Sekolah-sekolah ini ditadbir di bawah Pejabat Pelajaran Daerah Telupid. Hampir 90% daripada bilangan sekolah-sekolah rendah di daerah ini terletak jauh di luar bandar. Keadaan kemudahan dan infrastruktur juga serupa antara satu sekolah dengan sekolah yang lain. Keputusan peperiksaan UPSR di daerah ini juga berada pada tahap yang lemah iaitu 34.2% pada tahun 2003, 32.13% pada tahun 2004 dan 34.0% pada tahun 2005. Ini boleh dirujuk pada Laporan analisa keputusan UPSR daripada tahun 2003-2005 yang dikeluarkan oleh Unit Kurikulum Pejabat Pelajaran Daerah Telupid. Berdasarkan kepada laporan tersebut murid-murid yang memperolehi Gred "D" dan "E" adalah dianggap gagal. Bilangan murid-murid yang gagal ini masih tinggi dan sangat membimbangkan. Bilangan ini bukan sahaja melibatkan matapelajaran Bahasa Melayu, tetapi juga melibatkan matapelajaran teras yang lain. Kenyataan ini dapat dirujuk daripada rajah 1.1. di bawah :

**Jadual 1.1 : Analisa keputusan UPSR 2003 – 2005 mengikut Subjek
(Keputusan mengikut Gred "C", "D" dan "E" sahaja.**

MP	Gred "C"			Gred "D"			Gred "E"			
	2003	2004	2005	2003	2004	2005	2003	2004	2005	
BMP	274	273	320	84	78	137	59	135	66	
BMPn	135	148	187	104	100	81	145	125	166	
BI	216	195	247	95	104	216	265	347	244	
MT	202	239	290	86	101	108	206	236	209	
SN	210	289	272	96	112	108	175	189	216	

Berdasarkan kepada keputusan ini telah menggambarkan terdapat kelemahan-kelemahan yang perlu dikenalpasti. Kelemahan-kelemahan ini akan memberi kesan negatif kepada keputusan keseluruhan dalam sekolah ataupun dalam daerah itu sendiri.

Kementerian Pelajaran Malaysia (1981) telah menyedari bahawa berlakunya beberapa permasalahan dalam kurikulum sekolah rendah sebelum KBSR dilaksanakan. Kelemahan-kelemahan yang berlaku dalam kurikulum sekolah rendah tersebut telah memberi impak dalam penguasaan kemahiran berbahasa ini. Akhirnya, kerajaan telah mengambil inisiatif untuk menangani permasalahan tersebut dengan merangka kurikulum sekolah rendah yang baru dimana penekanannya lebih kepada kemahiran asas 3M.

Marohaini Yusof (2004) menyatakan bahawa kecerdasan murid berhubung rapat dengan kebolehan membaca. Kecerdasan boleh memberi kesan kepada murid apabila ia mempunyai kecerdasan yang rendah. Selain itu, pengetahuan dan pengalaman sedia ada juga boleh membantu dalam penguasaan kemahiran membaca dan menulis.

Di peringkat Tahap Satu, pengajaran dan pembelajaran telah menggunakan sebanyak 77.2% masa persekolahan dalam seminggu untuk tujuan pemantapan kemahiran-kemahiran tersebut. Dalam sukanan pelajaran bahasa Melayu Tahap 1 telah menuntut supaya murid-murid dapat menguasai kemahiran berbahasa seperti mendengar, membaca, bertutur, menulis daripada pelbagai sumber. Kemahiran-kemahiran berbahasa ini sepatutnya mereka kuasai sebelum ke Tahun 4 (Tahap 2). Permasalahan penguasaan berbahasa di Tahap 1 ini telah memberi kesan yang

berterusan apabila mereka ke tahap 2 iaitu Tahun 4, Tahun 5, dan Tahun 6. Pada tahap 2 terutamanya Tahun 6, murid-murid sepatutnya sudah mahir menggunakan pelbagai kemahiran-kemahiran berbahasa dalam menempuh peperiksaan awam.

Tanpa penguasaan kemahiran berbahasa dalam bahasa Melayu ini jelas menunjukkan kelemahan murid dalam mencapai keputusan yang cemerlang dalam semua matapelajaran yang dinilai. Kemahiran membaca dan kemahiran menulis ini bukan sahaja digunakan dalam matapelajaran bahasa Melayu tetapi juga dalam matapelajaran-matapelajaran lain yang berkait rapat dengan penggunaan penguasaan berbahasa ini. Dalam matapelajaran lain seperti Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains juga memerlukan kemahiran membaca dan kemahiran menulis dengan baik.

Murid-murid juga mempunyai kebolehan yang berbeza-beza dalam menguasai kemahiran-kemahiran ini. Terdapat murid yang mahir membaca sebelum boleh menulis dan sebaliknya. Fenomena ini berlaku di luar bandar di mana penguasaan murid-murid ini agak berbeza-beza dalam menguasai kemahiran membaca dan kemahiran menulis.

Di luar bandar, masih terdapat ramai murid yang tidak boleh membaca dengan lancar, walaupun ianya berada di Tahun 6. Terdapat juga murid-murid yang sukar membatang suku kata mudah, tidak kenal huruf dan tidak dapat membunyikan sebutan/intonasi huruf dengan baik. Sehubungan dengan masalah ini, murid-murid tidak dapat memahami makna bahan bacaan yang diberi. Dengan masalah ini, murid-murid tidak gemar membaca, kurang membaca atau langsung tidak membaca.

Selain itu, di luar bandar juga terdapat murid-murid yang lemah dalam kemahiran menulis. Murid-murid ini tidak dapat menghasilkan penulisan yang bermutu, kemas dan teratur. Sehubungan dengan itu, murid-murid juga lambat untuk berfikir dalam melahirkan buah fikiran atau idea untuk dijadikan bahan bacaan. Penulisan yang dihasilkan juga menampakkan kekurangan perbendaharaan kata serta tatabahasa yang lemah. Dalam sesebuah penulisan, kemahiran mengeja dan penggunaan tanda baca yang betul juga menunjukkan kematangan dan kecekapan berbahasa. Penyusunan perkataan-perkataan yang sesuai menjadi ayat yang bermakna melambangkan penguasaan murid dalam menghasilkan penulisan yang baik dan sempurna.

Khamis (1985), telah menyatakan bahawa masalah tidak pandai membaca, tidak cekap membaca, dan tidak gemar membaca berlaku di kalangan sesama murid telah menjadi fenomena yang ketara. Masalah-masalah ini berpunca daripada murid-murid itu sendiri sehingga menyukarkan para guru untuk meneruskan pengajaran. Dengan penguasaan kemahiran bahasa seperti membaca dan menulis, murid diharapkan dapat memahami pembelajaran. Tetapi, apabila murid belum dapat menguasai kemahiran berbahasa ini maka mereka juga tidak dapat menguasai atau memahami pelajaran. Ianya juga tidak dapat mengembangkan daya pemikirannya.

Kamaruddin Husin (1997) telah menyatakan bahawa kelemahan murid dalam menghasilkan sesuatu bentuk penulisan berdasarkan pada tiga faktor utama iaitu isi, bahasa dan tulisan. Sesebuah karangan seharusnya mempunyai rentetan isi berdasarkan wacana yang diterapkan oleh murid tersebut. Kelemahan-kelemahan murid

dari segi isi karangan berpunca daripada ketiadaan isi utama dan isi sampingan dalam perenggan, ketidakupayaan murid dari segi menghurai fakta dengan fakta yang lain.

Penguasaan bahasa yang lemah juga dapat dikesan daripada pembinaan pelbagai jenis ayat di mana terdapat pelbagai jenis kesalahan tatabahasa seperti tanda bacaan tidak betul, pemilihan kata yang kurang tepat, dan pembinaan ayat yang kurang gramatis.

Kelemahan dalam membaca dan menulis di kalangan murid di peringkat rendah lagi akan meninggalkan kesan negatif pada diri murid itu sendiri. Antara kesan yang akan dialami oleh murid ini seperti rendah diri, tidak yakin, tidak bermotivasi dan tidak bersemangat untuk terus belajar bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain.

Kegagalan murid dalam menguasai kemahiran berbahasa ini bukan sahaja wujud di sekolah rendah tetapi juga di sekolah menengah pada masa kini. Hal ini telah menjadi perhatian yang utama di Malaysia. Hal ini didedahkan dalam kajian yang diadakan oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (11/2/2006) ke atas murid-murid sekolah rendah dan menengah. Dalam kajian tersebut telah mendapati bahawa sebanyak 4.87% pelajar sekolah rendah, manakala 2.66% pelajar sekolah menengah tidak tahu membaca. Hal ini akan menyebabkan bilangan pelajar akan tercicir secara minda terus meningkat kerana tidak dapat mengikuti pelajaran yang disampaikan oleh guru. Kesannya, murid-murid ini akan menjadi penyumbang kepada keputusan peperiksaan dengan gred D, dan E. Antara punca kegagalan murid ini adalah dari sikap tidak serius di mana dasar tanpa sekatan meneruskan pelajaran terus dilaksanakan.

Ekoran daripada kelemahan dan kegagalan murid dalam menguasai kemahiran-kemahiran ini, ramai murid yang tidak dapat meneruskan persekolahan akibat keciciran. Ini bermakna keciciran murid sentiasa meningkat dari tahun ke tahun dan ianya memberi kesan negatif terhadap pembangunan Negara.

1.3. Pernyataan Masalah.

Dalam kajian ini menyatakan tentang beberapa masalah murid-murid Tahun 6 di luar bandar. Kajian masalah-masalah ini adalah penting agar ia dapat memberi jawapan yang tepat dan sesuai dengan demografi kajian. Antara masalah yang ketara di kalangan murid Tahun 6 sehingga kini ialah tahap penguasaan bahasa yang agak rendah. Murid-murid agak sukar berkomunikasi secara berkesan, tidak dapat menyampaikan maklumat dengan baik, tidak memahami maksud petikan dan tidak memiliki perbendaharaan kata secukupnya semasa aktiviti membaca dan menulis dilakukan.

Membaca merupakan satu aktiviti yang sering menakutkan murid-murid semasa pengajaran dan pembelajaran berlaku. Ini kerana murid-murid mengetahui kelemahan dan masalah mereka dalam aspek ini. Masalah-masalah yang jelas dihadapi oleh murid Tahun 6 di luar bandar sehingga kini ialah tidak dapat membaca langsung, tidak tahu membunyikan suku kata, dan tidak dapat menyebut huruf, suku kata dan perkataan dengan betul. Implikasi dalam hal ini, murid tidak memahami maksud bahan bacaan yang dibaca.

BIBLIOGRAFI

- Babbies, E.R, (1975). *Survey Research Methods*. Woodworth Publisher Co., California.
- Boh Boon, (1986). *Kebolehdidikan dan Pendidikan Pemulihan*, dalam Jurnal Kementerian Pendidikan, Keluaran 69.
- Faridah Jaafar dan Zarina Mohd. Yatim,(1994). *Menilai Kemahiran membaca dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*, dalam Strategi Pendidikan Bahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Kennedy, Eddi,C., (1981). *Method in Teaching Development Reading*, FE Peacock Publishers Inc., Ilionis.
- Khamis Maarof, (1984). *Satu Percubaan untuk mengukur kebolehan membaca murid-murid di peringkat darjah Dua*, Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, (1996). *Persidangan Pendidikan Nasional : Pengisian Wawasan Pendidikan*, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, (1981). *Kurikulum Baru Sekolah Rendah : Matlamat, Rasional, Bidang Pelajaran dan Strategi Pengajaran*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, (1995). *Pelajaran Bahasa Melayu Tahun 3*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mahzan Arshad, (2003). *Pendidikan Literasi bahasa Melayu*, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Mariam Buyung, (1986). *Kaedah Mengajar Bacaan Murid-Murid Menengah Rendah*, dalam Azman Chik, Mengajar Bahasa Malaysia, Jilid 1 : Perkaedahan. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Marohaini Yusof,(2004). *Startegi Pengajaran Bacaan dan Kefahaman*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Marzukhi Nyak Abdullah, (1994). *Kaedah Pengajaran Bahasa Malaysia- Karangan Bersiri Sekolah Rendah*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Mohd. Majid Konting, (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mohd. Salleh Lebar, (1992). *Perubahan dan Kemajuan : Pendidikan di Malaysia*, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur.
- Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, (1982). *Buku Panduan Khas Bahasa Malaysia KBSR Tahap Satu*.
- Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, (1989). *Laporan KBSR untuk umum*.

Raminah Hj. Sabran dan Abd. Rahim Sham, (1985). *Kaedah Pengajaran Bahasa Malaysia*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya.

Robiah Kulop Hamzah, (1992). *Guru Khas Pemulihian : Fungsi dan masalah – satu kajian*, Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Sidek Mohd Noah, (2002). Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Sufean Hussin, (1993). *Pendidikan di Malaysia : Sejarah, Sistem dan Falsafah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Tajul Ariffin Noordin dan Nor'aini Dan, (1992). *Pendidikan dan Wawasan 2020*, Arena Ilmu Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.

Berita.

Bernama, (11.02.2006). *Masih ada pelajar tidak tahu membaca* : NUTP, New Sabah Times. Number : 12814.